



---

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2023

---

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN TAMAT DAN TIDAK AKTIF

**Pejabat Bendahari**

27 Januari 2023

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 21 )

27 Januari 2023

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 2/2023**

### **PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang diterimapakai di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada pengauditan Penyata Kewangan sehingga 31 Disember 2021, Auditor telah mencadangkan untuk mewujudkan satu polisi perakaunan bagi geran – geran yang tidak aktif supaya UTeM boleh mempersembahkan geran yang ditanggung lebih saksama.
- 2.2 Sehubungan itu, berdasarkan penemuan audit ini, Pejabat Bendahari mencadangkan Garis Panduan Pengurusan Geran Tamat dan Tidak Aktif bagi tujuan penutupan akaun geran berkaitan.
- 2.3 Garis Panduan Pengurusan Baki Geran Tamat dan Tidak Aktif telah diluluskan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2022 pada 4 November 2022.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Garis Panduan Pengurusan Geran Tamat dan Tidak Aktif ini diwujudkan bagi memastikan semua pengurusan kewangan geran penyelidikan lebih teratur dan persembahan Penyata Kewangan akan lebih tepat.
- 3.2 Peruntukan geran dibawah KPT adalah tertakluk kepada Tadbir Urus Pengurusan Penyelidikan KPT yang mana pihak UTeM dikehendaki untuk memastikan baki peruntukan projek penyelidikan yang telah tamat atau tidak aktif disimpan dalam akaun berasingan.
- 3.3 Status lebihan baki geran yang telah tamat dan tidak aktif perlu merujuk kepada arahan daripada pihak Pemberi Dana atau tertakluk kepada perjanjian geran yang dipersetujui.
- 3.4 Geran penyelidikan yang menerima peruntukan sepenuhnya melalui sumber dalaman, juga diambil kira dalam pengurusan baki geran tamat dan tidak aktif.

### **4.0 GARIS PANDUAN PENGURUSAN GERAN TAMAT DAN TIDAK AKTIF**

- 4.1 Garis Panduan Pengurusan Baki Geran Tamat dan Tidak Aktif akan digunapakai mulai tahun kewangan 2022.
- 4.2 Pindaan para 5.3 Bajet Penyelidikan, Bab A, Pengurusan Bajet, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) adalah seperti berikut :

#### *Para 5.3.6*

*Baki sumber peruntukan geran yang telah tamat dan tidak aktif yang disahkan oleh pihak CRIM akan dilaraskan ke Tabung Kekal mengikut jenis geran. Pelarasan berkaitan adalah merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Baki Geran Tamat dan Tidak Aktif seperti di Lampiran 8.*

## 5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2022 pada **4 November 2022**.
- 5.2 Garis Panduan Pengurusan Geran Tamat dan Tidak Aktif Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utm.edu.my/index.php/>

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*AFK/pindaanPK PUMHK/2023*